



PERTUBUHAN KEGIATAN DAKWAH ISLAMIAH
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(PEKDIS CAWANGAN KELANTAN)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024

PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada helaian jawapan yang disediakan.*
4. *Semua helaian jawapan hendaklah diikat dan dihantar kepada pengawas pada akhir peperiksaan.*

Soalan	Markah penuh	Markah diperolehi
1	20	
2	20	
3	20	
4	20	
5	20	
Jumlah	100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi **7** halaman bercetak dan **1** halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Jawab semua soalan.


1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ① الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ② وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ
مُعْرِضُونَ ③ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ④ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ⑤

(Surah al-Mukminun : 1-5)

Ayat di atas menerangkan ciri-ciri mukmin yang berjaya.
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud menjauhi perbuatan dan perkataan yang sia-sia? [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua contoh perkara sia-sia bagi setiap aspek berikut: [4 markah]
 - a) Perbuatan
 - b) Perkataan



Gelagat remaja ketika berada di atas jalan raya.

- (iii) Huraikan langkah yang berkesan bagi menangani masalah tersebut. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَأَنْ يَخْتَضِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ
مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.

(ii) (i)

Hadis di atas menggalakkan amalan berdikari dalam memenuhi tuntutan harian.

(i) Nyatakan pengertian kalimah bergaris. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua kelebihan berdikari. [2 markah]

(iii) Terangkan dua pengajaran hadis di atas. [4 markah]

(c) Nyatakan hukum mad lazim kalimi bagi perkataan bergaris di bawah:

(i)	ءَالَيْنَ	
(ii)	وَلَا الضَّالِّينَ	

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 2 (a) (i) Nyatakan takrif ajaran sesat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek akidah. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** cara anda menjauhi ajaran sesat. [4 markah]

- (b) (i) Syiah merupakan aliran yang bertentangan dengan ahli Sunah wal-Jamaah. Nyatakan sejarah aliran tersebut. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** prinsip utama aliran Syiah. [4 markah]

(iii)

Majlis fatwa pada 24 dan 25 September 1984 menjelaskan pendirian Malaysia terhadap fahaman Syiah adalah sesat kerana Malaysia merupakan negara yang berpegang kepada akidah ahli Sunah wal-Jamaah sebagai pegangan utama.

Bincangkan implikasi jika fahaman Syiah terus berkembang di negara ini.

[4 markah]



- 3 (a) (i) Nyatakan maksud solat sunat Duha. [2 markah]
- (ii) Terangkan dua hikmah menunaikan solat sunat Duha. [4 markah]

(iii)

Terdapat segelintir umat Islam menganggap solat sunat Duha mengganggu urusan kerja harian.

Berikan hujah anda bagi menyangkal tanggapan tersebut. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud qisas. [2 markah]
- (ii) Senaraikan dua jenis kesalahan di bawah hukuman qisas. [2 markah]
- (iii) Terangkan hikmah hukuman jenayah dalam Islam. [2 markah]

(iv)



[rmp.gov.my](https://www.rmp.gov.my)

<https://www.rmp.gov.my> › keratan-... · Translate this page

LIMA KES BUNUH SEMINGGU - KPN

Sepanjang tempoh sama, seramai 1,509 individu terdiri 1,332 lelaki dan 177 wanita ditahan kerana terlibat dalam kes bunuh. Bercakap kepada ...

Kes bunuh semakin kritikal dan membimbangkan. Mengapakah situasi ini semakin berleluasa? Kemukakan hujah anda. [4 markah]


[Lihat halaman sebelah

- 4 (a) (i) Abu Jaafar al-Mansur merupakan khalifah kedua kerajaan Abbasiyyah.
Jelaskan **dua** sumbangan beliau. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyyah dari aspek sosial.
[4 markah]
- (iii) Perebutan kuasa dan perang saudara merupakan antara punca kejatuhan kerajaan-kerajaan besar di dunia.
Berikan pandangan anda kesan daripada fenomena tersebut kepada negara.
[4 markah]
- (b) Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh terkemuka dalam bidang perundangan.
- (i) Nyatakan **dua** ketinggian akhlak beliau yang wajar dicontohi. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** karya beliau. [2 markah]
- (iii) Ahmad bin Ibrahim telah mendapat pendidikan dari beberapa institusi yang terkenal.
Nyatakan **dua** institusi tersebut. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** iktibar daripada ketokohan beliau. [4 markah]

- 5 (a) (i) Alam sekitar salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia. Nyatakan maksud alam sekitar. [2 markah]

- (ii) Jelaskan dua hikmah menjaga alam sekitar. [4 markah]

(iii)



PENCEMARAN SUNGAI


Berdasarkan gambar di atas, mengapakah masalah tersebut masih berlaku. Bincangkan. [4 markah]

- (b) Keseimbangan merupakan salah satu prinsip dalam wasatiyyah.

- (i) Nyatakan maksud keseimbangan dalam wasatiyyah. [2 markah]

- (ii) Jelaskan dua aspek keseimbangan rohani dalam wasatiyyah. [4 markah]

(iii)



Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda merealisasikan pernyataan dalam gambar di atas? Huraikan. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT